

Ambil iktibar tragedi Sungai Lembing

SINAR ONLINE | 6 September 2019



Ambil iktibar tragedi Sungai Lembing. Gambar kecil:Nor Khalilah Gusti Hassan.

TRAGEDI kebakaran 33 unit premis termasuk rumah, kedai dan sebuah perpustakaan yang berlaku kira-kira jam 1.30 pagi menjelang Hari Kebangsaan lalu di Kampung Sungai Lembing, Pahang amat meruntun hati rakyat Malaysia.

Bukan sahaja menyebabkan kerugian harta benda bernilai ratusan ribu ringgit, bahkan dua nyawa warga emas yang didakwa terperangkap dalam kejadian kebakaran itu turut melayang.

Setakat hari keenam (6 September), Pasukan Forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berjaya menemukan bahagian jasad salah seorang daripadanya, namun ujian asid deoksiribonukleik (DNA) belum diperolehi untuk mengenal pasti identiti bahagian yang ditemui.

Ketua Polis Pahang, Datuk Abd Jalil Hassan berkata, andaian itu dibuat berdasarkan tiada mayat kedua dijumpai walaupun operasi mencari telah dijalankan dengan teliti termasuk menggunakan unit anjing pengesan. Andaian awal ini katanya, berdasarkan kebiasaan mangsa untuk duduk berdekatan atau berpelukan semasa berada dalam situasi cemas.

Sesungguhnya, hal ini membuka pelbagai diskusi berkenaan terjadinya kebakaran yang begitu besar sehingga merebak dengan cepat dan memusnahkan sebegitu banyak harta benda.

Salah satu daripadanya adalah hal keselamatan dan tindakan awal ketika berlakunya kebakaran.

Dakwaan orang ramai kononnya tiada air pada pili bomba semasa proses memadamkan kebakaran turut hangat diperkatakan.

Masing-masing menyalahkan pihak berwajib kerana sekiranya tidak berlaku masalah sedemikian, banyak premis dapat diselamatkan.